

NIKMAT SABAR LEBIH MANIS DARIPADA MADU

Oleh: Nur Zahidah Khair binti Radzuan, 1172665,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 30 July 2020



Sifat sabar itu senang diungkap dan dibicarakan, namun amat payah untuk dilaksanakan. Apakah yang dimaksudkan dengan sabar? Sabar adalah keupayaan menahan diri, emosi, keinginan dan tidak mengeluh dalam situasi yang sulit.

Setiap manusia tidak terlepas daripada mengalami kesusahan dalam kehidupan akibat didatangi pelbagai ujian yang berbeza. Malah, ada perumpamaan yang mengatakan bahawa dunia ini merupakan negeri bala dan ujian.

Setiap ujian yang diberikan oleh Allah SWT adalah seiring dengan kemampuan hamba-Nya. Seperti yang dijelaskan dalam ayat 286 surah al-Baqarah yang bermaksud, “Allah SWT tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya.”

Orang yang bersabar dengan ujian yang diberikan oleh-Nya akan diberikan pahala kebaikan dan dimasukkan ke dalam syurga.

Perihal sabar turut dinyatakan dalam hadis yang bermaksud, “Dan apabila dia ditimpa kesusahan maka dia bersabar. Maka itu juga merupakan kebaikan baginya.” (Imam Muslim)

Terdapat tiga keadaan berkaitan dengan sabar. Pertama, sabar atas ketaatan, iaitu tabah untuk mentaati perintah Allah SWT, sabar untuk tidak melakukan kemaksiatan dan yang terakhir, sabar ketika menerima musibah.

Jika diperhatikan, sabar ketika menerima musibah adalah seperti yang berlaku di negara kita sekarang di mana musibah virus COVID-19 menjejaskan kehidupan harian.

Secara terperinci, hampir semua aktiviti seperti ekonomi, sosial, keagamaan dan hubungan diplomatik tidak dapat beroperasi seperti biasa.

Sebagai umat Islam yang beriman, kita semestinya mengambil pengajaran dan hikmah dari musibah yang sedang melanda seluruh dunia.

Sehubungan itu, marilah kita meneladani kisah Nabi Ayyub a.s yang diuji Allah SWT dengan penyakit kulit dan kusta. Nabi Ayyub a.s. mula dijauhi oleh orang yang mengenali baginda. Bahkan beliau turut mengasingkan dirinya sendiri.

Bukan itu sahaja ujian yang diberikan kepadanya, malah baginda juga kehilangan anak-anaknya yang dijemput Ilahi akibat gempa bumi yang dahsyat.

Bahkan semua haiwan ternakannya dan harta yang dimilikinya hancur dan habis binasa. Itulah ujian yang dialami baginda selama berbelas tahun tanpa mengeluh dan mengutuk Tuhan Yang Maha Esa.

Baginda menghabiskan hari-hari yang diuji itu dengan bersabar, berzikir serta berdoa kepada Allah SWT. Baginda percaya setiap ujian yang diberikan pasti ada hikmahnya tersendiri.

Hasil kesabarannya, Allah SWT memperkenankan doa baginda dengan mengembalikan segala yang dimilikinya malah dilipatgandakan lagi.

Allah mewahyukan kepada baginda supaya menghentakkan kaki ke tanah supaya keluar air dari bawah tanah tersebut. Kemudian air itu hendaklah diminum dan digunakan untuk mandi agar penyakit yang dialaminya sembuh.

Oleh itu, sabar merupakan senjata dan kekuatan bagi orang mukmin. Sifat yang terpuji itu harus dimiliki oleh setiap umat Islam.

Sesungguhnya, tidak rugi bagi seseorang itu bersabar dengan ujian yang diberi kerana Allah SWT meletakkan darjat yang tinggi di sisi-Nya. Sifat sabar mendatangkan banyak kebaikan kepada diri sendiri dan orang lain.

Malah, Allah SWT sentiasa bersama dengan orang yang bersabar seperti yang dijelaskan di dalam al-Quran yang bermaksud, “Dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.” (*Al-Anfal: 46*)

Memiliki sifat sabar dapat mengelakkan diri daripada cepat marah dan berputus asa dengan rahmat Allah SWT. Berkat kesabaran, pasti ada ganjaran yang baik untuk kita seperti yang dijelaskan dalam syair Arab yang bermaksud, “Sabar itu pahit tetapi hasilnya lebih manis daripada madu.”

